

Pemimpin PAS cadang Hadi bentuk kerajaan dengan Umno, Laksana hudud

Pas terkeluar dari PR jika bentang hudud

■ SITI NURSYAHIDAH ABU BAKAR

SHAH ALAM – Pas bukan lagi sebahagian daripada ahli komponen PR sekiranya bertegas membentangkan rang undang-undang pindaan hudud di persidangan Dun Kelantan pada 18 Mac ini.

Demikian kata Pengerusi Biro Undang-undang DAP, Gobind Singh Deo, yang mendakwa rang undang-undang itu tidak mendapat sokongan PR, yang diwakili oleh PKR, Pas dan DAP.

Malah, katanya, hudud juga bukan sebahagian daripada dasar bersama pakatan tersebut.

“Pembentangan rang undang-undang ini bertentangan dengan perjanjian dicapai pada kali terakhir mesyuarat kepimpinan PR, di mana dinyatakan dengan jelas per-

lu ada perbincangan lanjut di antara ketiga-tiga parti sebelum langkah seterusnya diambil mengenai perkara ini,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kerajaan Kelantan sebelum ini mengumumkan akan tetap membentangkan rang undang-undang hudud pada 18 Mac.

Timbalan Menteri Besarnya, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah berkata, Dun Kelantan dijadual membincangkan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 (Pindaan 2015) itu dalam persidangan yang bermula 16 hingga 19 Mac ini.

Menurut Gobind, yang juga Ahli Parlimen Puchong, Pas dianggap telah melakukan satu tindakan terbuka dan jelas untuk menentang rangka dasar bersama PR jika tetap me-



GOBIND

neruskan pembentangan rang undang-undang hudud.

“Jika begitu keadaannya, pemimpin Pas di belakang keputusan ini perlu berani mengakui mereka cuba mengeluarkan Pas daripada PR. Ini sekali gus menimbulkan persoalan mengenai kredibiliti Pas sebagai parti yang dikatakan mahu memberi fokus dan bekerja untuk mengukuh-

kan PR,” katanya.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan pemimpin Pas supaya menunjukkan komitmen parti tersebut terhadap PR.

“Pas perlu menghormati dasar bersama PR dan keputusan dibuat majlis pimpinan,” katanya.

Gobind menegaskan, DAP berhak menegur Pas jika tindakannya boleh menjejaskan kerjasama PR.

“Pas tidak sepatutnya memberi amaran kepada DAP untuk tidak campur tangan dalam urusan di Kelantan.

“Pas perlu ingat selagi mereka memilih untuk bersama PR, DAP bukan saja berhak, malah berkewajipan memastikan Pas tidak bertindak dalam apa-apa cara yang boleh melemahkan polisi bersama PR,” katanya.

The Malaysian Insider – Selepas kematian Mursyidul Am PAS, ini kali pertama cadangan untuk menggabungkan parti Islam itu dengan Umno dan Barisan Nasional (BN) bagi membentuk kerajaan persekutuan, dibuat secara terbuka oleh pemimpin dan aktivis PAS.

23 Februari, 2015.

Selepas kematian Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, buat pertama kalinya, aktivis dan pemimpin PAS secara terbuka mencadangkan Datuk Seri Abdul Hadi Awang menggabungkan parti Islam itu dengan Umno dan Barisan Nasional (BN) bagi membentuk kerajaan persekutuan dan melaksanakan hudud secara sistematik.

Seorang pemimpin PAS Terengganu Roslan Ismail yang juga bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Besi memberikan cadangannya itu melalui akaun Facebooknya.

“Jika saya di tapak Tuan Guru Presiden, saya akan gunakan ruang ini untuk melakar satu sejarah terharum kepada rakyat Malaysia dengan bergabung dengan Umno/BN untuk membentuk kerajaan persekutuan dan melaksanakan hudud secara sistematik selepas ini,” tulis Roslan.

Roslan membuat cadangan itu selepas kematian allahyarham Nik Aziz yang menjadi penentang utama kerjasama politik antara PAS dengan Umno.

Roslan ketika dihubungi The Malaysian Insider mengesahkan beliau membuat tulisan itu di Facebooknya.

Ini kenyataan terbuka pertama daripada pemimpin dan aktivis PAS agar parti Islam itu bekerjasama dengan Umno khasnya untuk melaksanakan hudud.

Roslan sebelum ini menulis dengan marah membantah kenyataan Ahli Parlimen Puchong Gobind Singh Deo yang berkata PAS bukan lagi sebahagian komponen Pakatan Rakyat (PR) jika bertegas bentang rang undang-undang pindaan hudud di sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan pada 18 Mac ini.

“Kenapa DAP bersungguh sangat menghalang PAS melaksanakan syariat Islam? Jika PR berjaya tumbangkan BN, adakah kerajaan baru itu akan memberi ruang kepada PAS melaksanakan hudud?”

“Bagi sesetengah kalangan, pelaksanaan hudud perlu kepada

ruang masa untuk memberi penerangan dan pemahaman kepada rakyat, tetapi, dengan pendirian DAP yang sebegini keras dan konsisten, saya tidak nampak PR akan mengizinkan PAS melaksanakan hudud walaupun berjaya menguasai kerajaan pusat," tulis Roslan.

Bekas Naib Presiden PAS Ahmad Awang sebelum ini berkata, terdapat kecenderungan yang jelas di kalangan pimpinan PAS untuk bersama dengan Umno walaupun sentiasa dinafikan oleh mereka.

Tulis Roslan, ketika PAS kecil dan baru merangkak, tiada siapa pun yang nampak.

"Malah ketika bertahalluf siyasi dengan Perikatan pun, PAS ditendang begitu saja," katanya.

Hari ini, katanya, PAS sudah subur mekar, semua pihak mula nampak kepentingan dan peranannya dalam mencerna hala tuju politik negara.

Roslan seterusnya menulis:"Bukankah perjuangan kita di dalam PR pun kerana ingin melaksanakan perintah Allah ini?"

"Soal integriti, ketelusan, rasuah dan kepincangan boleh ditangani dengan memperkuat SPRM dan lain-lain jabatan yang berkaitan," katanya.

Beliau berkata, soal Umno dan BN akan mengkhianati PAS lagi selepas ini ketentuan Allah dan "kita tidak boleh meneka kebijaksanaan Allah di dalam mengatur urusan-Nya".

"Ketika itu, saya boleh pejam mata dengan penuh kepuasan," katanya.

Tulisan Roslan disambut baik aktivis Umno Dungun, Jame Taib yang menyifatkan pandangan itu sangat baik.

"Alhamdulillah.... insya-Allah dipermudah oleh Allah jika kedua-dua parti politik yang berdaftar ini dapat bersatu. Atas dasar

Islam, kita cuba satukan perbezaan yang ada,” tulis Jame.

“Jazakallah ustaz atas lontaran pandangan yang tulus dan berani. Pandangan ini sebenarnya mewakili ramai pemerhati politik di luar sana.” – 23 Februari, 2015.

– See more at:
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemimpin-pas-cadang-hadi-bentuk-kerajaan-dengan-umno-laksana-hudud#sthash.7mNm9H6W.dpuf>